




BAGAIAN biologi
Kuala
Perak menjadi
m pelajar UKM
mempelajari
tingan
ihara alam



PEMELIHARAAN ekosistem dapat
memastikan kelangsungan hidup makhluk
secara keseluruhan.

RAM
ka turut
an bagi
atkan
gan
pelajar
nduduk
at.



PENDIDIKAN alam sekitar memberikan kesedaran kepada masyarakat
untuk memahami persekitaran secara lebih mendalam.



FASA pemerhatian dan penghayatan mendedahkan pelajar kepada
pelbagai elemen alam semula jadi.



TANGGUNGJAWAB menjaga alam sekitar perlu dipupuk bermula daripada
peringkat sekolah rendah.

Pendidikan dan kesedaran alam **program SEE Nature**

MENJADI tanggungjawab masyarakat tanpa mengira pangkat dan usia sama ada kanak-kanak, remaja atau dewasa untuk memelihara serta menjaga alam semula jadi. Ia bagi memastikan sumber itu tidak musnah supaya dapat menjadi tatapan generasi akan datang.

Pelbagai program kesedaran dan pendidikan alam sekitar dilakukan oleh banyak pihak bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan memelihara ekosistem semula jadi demi kelangsungan hidup makhluk secara keseluruhannya.

RONA
alam

Atas keprihatinan dan rasa tanggungjawab itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menganjurkan program SEE Nature 2015 baru-baru ini.

Program yang diadakan buat kali keenam di Kuala Gula, Perak itu merupakan satu inisiatif pembelajaran secara tidak formal bagi pelajar UKM mendalam ilmu Sains berdasarkan pengalaman dan pemerhatian yang secara langsung dapat meningkatkan kualiti serta kompetensi mereka.

Selain itu, program selama hampir dua minggu tersebut turut melibatkan komuniti setempat sebagai salah satu aktiviti khidmat sosial dalam mendekati masyarakat supaya lebih prihatin dan memahami



SEBAHAGIAN daripada pelajar UKM bergambar kenangan pada sesi akhir program SEE Nature 2015 di Kuala Gula, Perak baru-baru ini.

persekitaran mereka secara lebih mendalam.

Penyelaras SEE Nature, Prof. Madya Dr. Wan Juliana Wan Ahmad berkata, pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program itu berlangsung yang meliputi tiga fasa iaitu pemerhatian (*seek*), penghayatan (*embrace*) dan pendidikan (*educate*).

Komuniti

Menurut beliau, melalui fasa pemerhatian dan penghayatan, pelajar akan didedahkan dengan pelbagai elemen alam semula jadi termasuk pengenalan kepada hutan paya bakau, serangga, burung dan mamalia sebelum dikehendaki untuk menyampaikan perkara yang mereka dipelajari kepada komuniti di sekitar Kuala Gula dalam fasa pendidikan.

"Inisiatif yang kami jalankan

bersama beberapa pihak sejak tiga tahun lalu ini merupakan satu pendekatan serampang dua mata yang bukan sahaja memberi banyak manfaat terhadap pelajar UKM dari segi kesedaran alam sekitar tetapi berguna kepada masyarakat di Kuala Gula.

"Ini kerana di samping kami dapat meningkatkan tahap kompetensi mahasiswa dalam dunia pekerjaan kelak, program SEE Nature juga mampu menjadi medium bagi mendidik dan menyedarkan masyarakat setempat khususnya pelajar

sekolah rendah mengenai kepentingan memelihara kepelbagaian biologi di kawasan Kuala Gula," katanya.

Seramai lebih kurang 20 orang pelajar UKM daripada pelbagai fakulti termasuk Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Kejuruteraan dan Alam

Bina serta Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan terlibat dalam program tahunan itu.

Beberapa sesi taklimat dan perkongsian daripada pakar-pakar alam sekitar dilakukan bagi memberikan gambaran jelas kepada para mahasiswa mengenai elemen yang terdapat di dalam ekosistem sebelum mereka menjalankan kerja lapangan termasuk mengenal pasti spesies burung dan serangga berdasarkan ciri-ciri fizikal tertentu.

Pendedahan

Aktiviti lawatan ke beberapa kawasan menarik seperti Kampung Dew untuk melihat kelip-kelip, Pusat Perlindungan Burung Kuala Gula, Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang dan Kilang Arang Kuala Sepetang turut diadakan bagi memberikan pendedahan dengan lebih dekat mengenai peranan Perhilitan dan JPSM dalam usaha memelihara alam

semula jadi selain mengetahui aktiviti sosioekonomi masyarakat.

Selain sesi taklimat, kerja lapangan dan lawatan, aktiviti santai seperti latihan dalam kumpulan turut dijalankan bagi memupuk semangat berpasukan antara pelajar dengan menghasilkan kraf tangan daripada kulit kerang dan kertas terpakai.

Sementara itu, beberapa aktiviti interaksi bersama komuniti setempat juga diadakan dengan penganjuran acara sukaneka bagi mengeratkan hubungan antara penduduk dengan pelajar serta kakitangan UKM yang terlibat.

Berdasarkan program SEE Nature yang diadakan sebelum ini, Wan Juliana memberitahu, usaha memelihara alam sekitar dalam kalangan mahasiswa tidak terhenti pada program itu sahaja tetapi berlanjutan kepada aktiviti lain sehingga yang ada mengikuti program di peringkat antarabangsa.



PESERTA program SEE Nature 2015 dibawa melihat kelip-kelip di Kampung Dew.